

GEOLOGI AM DAN SEDIMENTOLOGI FORMASI CROCKER DI KAWASAN PENAMPANG, SABAH

NAMA : AMIRAH FARHANAH BINTI AHMAD YUSOF
PENYELIA : PROF. DR. SANUDIN BIN HJ. TAHIR
PROGRAM : GEOLOGI

ABSTRAK

Kawasan kajian merangkumi kawasan Lok Kawi-Penampang yang berada di bahagian pantai barat Sabah dan terletak kira-kira 17 km dari Kota Kinabalu. Secara khususnya, kawasan kajian berkeluasan kira-kira 100 kilometer persegi dan berada pada garis lintang antara 05° 51'U hingga 05° 56'U manakala garis bujur antara 116° 017 hingga 116° 06T. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji geologi am dan sedimentologi Formasi Crocker di kawasan Penampang. Sebahagian besar daripada kawasan yang dikaji adalah terdiri daripada Formasi Crocker yang berusia Eosen Akhir hingga Miosen Awal, dan selebihnya adalah endapan pasir pantai dan aluvium yang juga merupakan endapan Kuaterner. Formasi Crocker merangkumi tiga unit batuan utama iaitu unit batu pasir tebal (Fasies B), unit selang lapis batu pasir dengan syal (Fasies C, D dan E), serta unit lapisan syal tebal kelabu dan syal merah (Fasies F). Struktur sedimen yang kerap dijumpai di lapangan adalah laminasi selari dan laminasi silang. Analisis arah arus kuno adalah berdasarkan kajian yang terdahulu berikutan dengan ketidakdapatan struktur flut yang jelas, dan is menunjukkan arah arus kuno bagi kawasan Penampang adalah ke arah Utara. Analisis petrografi yang menggunakan sampel batu pasir segar menunjukkan batu pasir bagi kawasan kajian dikelaskan sebagai litik wak. Melalui analisis mikrofosil, hasil kajian dengan menggunakan sampel batu lumpur berjaya menemukan fosil foraminifera jenis planktonik *Globigerinoides* sp.. Analisis litolog yang dihasilkan dan pentafsiran asosiasi fasies menunjukkan kawasan kajian terdiri daripada endapan alur-levee, alur-lob, migrasi lob dan distal lob. Sekitaran pengendapan bagi Fasies B, C dan D adalah di sekitar kipas tengah, manakala bagi Fasies E dan F pula di sekitar kipas luar. Analisis struktur lineamen, perlapisan, kekar, sesar dan perlipatan menunjukkan arah canggaan kawasan Penampang yang bertren Baratlaut-Tenggara.